



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

### **YANG BERUSAHA**

**TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID  
SETIAUSAHA BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

**SESI TOWNHALL MBSP BERSAMA PENGURUS DEWAN  
KOMUNITI TAHUN 2022 DAN MAJLIS PELANCARAN  
ANUGERAH PENGURUSAN DEWAN KOMUNITI 2022**

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**3 SEPTEMBER 2022 (SABTU)**

**10.00 PAGI**

**DEWAN DATO'HAJI AHMAD BADAWI  
BUTTERWORTH**

*Disediakan oleh Jabatan Kemasyarakatan*

---

*Ucapan Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya MBSP 2022*

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Ahli Majlis MBSP

Puan Norhayati Binti Sulaiman  
Pengarah Kemasyarakatan MBSP

Puan Puan Rosilah Binti Abdul Rashid  
Pemangku Pengarah Undang-Undang MBSP

Encik Chew Eng Seng  
Inspektor Kesihatan

Encik Pubalan A/L Subramaniam  
Penceramah Jemputan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berhimpun pada pagi ini dalam Program Sesi Townhall MBSP Bersama Pengurus Dewan Komuniti Dan Majlis Pelancaran Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti 2022 di Dewan Dato'Haji Ahmad Badawi, Butterworth.

Pertamanya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada Jabatan Kemasyarakatan yang telah menganjurkan program ini. Sesungguhnya program ini merupakan salah satu usaha pengurusan MBSP untuk merapatkan hubungan MBSP dengan pemimpin masyarakat seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung

(MPKK), Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (KRT). Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Badan Pengurusan Surau. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua para hadirin kerana sudi meluangkan masa hadir pada pagi hari Sabtu ini.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sebagai makluman, Sesi Townhall MBSP bersama pengurus dewan komuniti ini merupakan kali yang keempat diadakan dan ini merupakan kali pertama diadakan di Dewan Dato'Haji Ahmad Badawi. Pada tahun 2018, program ini diadakan kali pertama pada waktu petang hari Khamis 27 Disember 2018 iaitu hari bekerja. Atas permintaan peserta sesi interaktif, program tahun 2019 dan 2021 diadakan pada waktu pagi hari Sabtu. Ini bermakna MBSP sentiasa prihatin dan memberi pertimbangan sewajarnya atas kehendak rasional rakyat Seberang Perai.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Tujuan program ini diadakan adalah untuk membincangkan perkara perkara berkaitan perjanjian, penjagaan dan pengurusan dewan komuniti.. Secara ringkasnya, MBSP dan pengurus dewan dari MPKK atau RA atau KRT atau NGO atau Badan Pengurusan Surau hendaklah bekerjasama secara bersepadu dalam pengurusan dan penyelenggaraan dewan komuniti. Dalam hal ini, MBSP telah membelanjakan sejumlah wang yang besar dalam menyediakan pelbagai kemudahan bagi meningkatkan taraf

hidup rakyat Seberang Perai. Sehubungan itu, bangunan dewan komuniti MBSP merupakan instrumen penting kepada penganjuran program/aktiviti sosial dan kemasyarakatan bagi komuniti tempatan di kawasan bandaraya Seberang Perai.

Dewan komuniti MBSP bermaksud bangunan kepunyaan atau milikan atau di bawah kawalan MBSP yang diterima daripada pihak pemaju perumahan. Setelah dibentang untuk perakuan dalam Mesyuarat Pentadbiran dan Kewangan dan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Penuh MBSP, hak pengurusan dewan diberi tempoh selama dua tahun bermula 1 Januari tahun pertama hingga 31 Disember tahun kedua kepada MPKK atau Persatuan Penduduk atau Rukun Tetangga atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau Badan Pengurusan Surau dengan hanya mengenakan bayaran gantian cukai tanah dan cagaran RM100.00. **Tidak ada bayaran sewa bulanan. Saya ulang, tidak ada bayaran sewa bulanan.**

#### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pengurusan dewan komuniti merangkumi aspek penggunaan dan penyelenggaraan yang berkualiti bagi memastikan bangunan dewan komuniti sentiasa berada dalam keadaan sempurna, selamat digunakan, penggunaan yang ekonomik dan menjamin jangka hayat yang lebih lama. Dalam hal ini, bangunan dewan komuniti merupakan aset MBSP dan hendaklah diuruskan dengan sempurna. Ketidakcekapan menguruskan

dewan komuniti akan membebankan kewangan serta menjejaskan reputasi MBSP, memberi kesan kepada kualiti dan kecekapan perkhidmatan MBSP, keselamatan dan kepuasan pengguna. Amalan pengurusan dewan hendaklah memfokuskan kepada penggunaan yang optimum dengan kos yang efektif serta merangkumi ciri-ciri mesra pengguna, mesra alam sekitar, tahap keselamatan dan kawalan keselamatan.

Ke arah ini, MBSP akan melaksanakan program ini untuk pengurus dewan secara berterusan setiap tahun bertujuan untuk memupuk kesedaran penjagaan, budaya penyelenggaraan dan menghargai dewan komuniti.

Dari segi MBSP, salah satu pendekatan strategik ke arah penjagaan dewan ialah pegawai-pegawai MBSP mengadakan pemeriksaan 4 kali dalam setahun bagi setiap dewan komuniti milik MBSP di Seberang Perai untuk menilai keberkesanan dan penambahbaikan pengurusan dewan komuniti.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pertandingan Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti Tahun 2022 adalah di bawah Pelan Strategik Seberang Perai (PSSP) 2018-2022.

Objektif program ini adalah :-

- a) Memupuk kesedaran penjagaan aset, budaya penyelenggaraan dan menghargai dewan komuniti MBSP sebagai aset MBSP,
- b) Pihak pengurus dewan komuniti serta penduduk tempatan dapat menunjukkan sokongan terhadap inisiatif hijau MBSP dan Kerajaan Negeri;

- c) Menggalakkan dan meningkatkan pendidikan serta kesedaran berkaitan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca;
- d) Berusaha menjadikan kitar semula sebagai satu amalan budaya hidup;
- e) Salah satu usaha menangani isu pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim;
- f) Membantu MBSP memperkenalkan “Smart Consumption Model” (Model MBSP berhubung penggunaan bijak) melalui Konsep 8R untuk mencapai Seberang Perai Rendah Karbon;
- g) Menggalakkan persaingan sihat antara pihak pengurus dewan komuniti ke arah meningkatkan kualiti alam sekitar; dan
- h) Menjadikan pengurus dewan komuniti sebagai ‘benchmark’ untuk dicontohi oleh pihak pengurus dewan komuniti yang lain.

Justeru, saya berhasrat agar pengurus dewan dapat bersama-sama mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sekali lagi, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua para peserta bagi menjayakan Sesi Townhall MBSP Bersama Pengurus Dewan Komuniti pada pagi ini dan majlis pelancaran Pertandingan Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti Tahun 2022 dan berharap pihak pengurus dewan dapat menjaga dewan komuniti MBSP dengan sebaik-baiknya.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Sesi Townhall MBSP Bersama Pengurus Dewan Komuniti Tahun 2022 dan juga

melancarkan Pertandingan Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti Tahun 2022.

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh***

**Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You**

